



SOALAN-SOALAN LAZIM (FAQ)
PROGRAM PRIHATIN KEHILANGAN PEKERJAAN (SIP PRIHATIN)
SISTEM INSURANS PEKERJAAN (SIP), PERKESO
BIL.1/2020

1. Apakah yang dimaksudkan dengan SIP PRIHATIN ?

- Seperti yang diumumkan dalam Belanjawan 2021, **SIP PRIHATIN** adalah bantuan kewangan kepada pekerja yang telah berdaftar di bawah SIP dan kehilangan pekerjaan (LOE) meliputi dua kategori sama ada yang layak atau yang tidak layak mendapat Elaun Mencari Pekerjaan (EMP).
- Tujuan SIP PRIHATIN ialah untuk membantu pekerja yang kehilangan pekerjaan yang terkesan akibat krisis wabak COVID-19 sebagai bantuan segera bagi meneruskan kelangsungan hidup di samping berusaha mencari peluang pekerjaan baharu.

2. Bilakah tarikh kuatkuasa SIP PRIHATIN?

- SIP PRIHATIN berkuatkuasa mulai **1 Januari 2021**.
- Tempoh SIP PRIHATIN adalah dari 1 Januari hingga 31 Disember 2021.
- Program ini hanya meliputi pekerja yang mengalami kehilangan pekerjaan (LOE) mulai 1 Julai 2020 hingga 31 Disember 2021.

3. Berapa lamakah tempoh bayaran bantuan kewangan SIP PRIHATIN dan berapakah tambahan nilai bantuan tersebut?

- Tempoh bayaran bantuan kewangan SIP PRIHATIN bagi pekerja yang layak adalah sekurang-kurangnya 3 bulan hingga 7 bulan.

- Nilai bantuan tambahan bayaran kewangan bagi setiap bulan adalah sekurang-kurangnya 10% hingga 30% daripada gaji bulanan anggapan.
- Ini bermakna tempoh keseluruhan SIP PRIHATIN dan EMP adalah antara 3 hingga 9 bulan.

4. Apakah kadar bantuan kewangan yang diberikan di bawah SIP PRIHATIN bagi pekerja yang kehilangan pekerjaan?

- Bagi kategori pekerja yang layak mendapat **EMP selama 6 bulan**, kadar bantuan kewangan di bawah SIP PRIHATIN adalah seperti berikut:

BULAN	Faedah EMP daripada gaji bulanan anggapan	Kadar Bantuan Kewangan SIP PRIHATIN - Tambahan	Kadar Bantuan Keseluruhan daripada gaji bulanan anggapan
Bulan Pertama	80%	Tiada	80%
Bulan Kedua	50%	Tiada	50%
Bulan Ketiga	40%	10%	50%
Bulan Keempat	40%	10%	50%
Bulan Kelima	30%	20%	50%
Bulan Keenam	30%	20%	50%
Bulan Ketujuh sehingga Kesembilan	Tiada	30% setiap bulan	30% setiap bulan

- Bagi kategori pekerja yang layak mendapat **EMP selama 5 bulan**, kadar bantuan kewangan di bawah SIP PRIHATIN adalah seperti berikut:

BULAN	Faedah EMP daripada gaji bulanan anggapan	Kadar Bantuan Kewangan SIP PRIHATIN - Tambahan	Kadar Bantuan Keseluruhan daripada gaji bulanan anggapan
Bulan Pertama	80%	Tiada	80%
Bulan Kedua	50%	Tiada	50%
Bulan Ketiga	40%	10%	50%

Bulan Keempat	40%	10%	50%
Bulan Kelima	30%	20%	50%
Bulan Keenam sehingga Kelapan	Tiada	30% setiap bulan	30% setiap bulan

- Bagi kategori pekerja yang layak mendapat **EMP selama 4 bulan**, kadar bantuan kewangan di bawah SIP PRIHATIN adalah seperti berikut:

BULAN	Faedah EMP daripada gaji bulanan anggapan	Kadar Bantuan Kewangan SIP PRIHATIN - Tambahan	Kadar Bantuan Keseluruhan daripada gaji bulanan anggapan
Bulan Pertama	80%	Tiada	80%
Bulan Kedua	50%	Tiada	50%
Bulan Ketiga	40%	10%	50%
Bulan Keempat	40%	10%	50%
Bulan Kelima sehingga Ketujuh	Tiada	30% setiap bulan	30% setiap bulan

- Bagi kategori pekerja yang layak mendapat **EMP selama 3 bulan**, kadar bantuan kewangan di bawah SIP PRIHATIN adalah seperti berikut:

BULAN	Faedah EMP daripada gaji bulanan anggapan	Kadar Bantuan Kewangan SIP PRIHATIN - Tambahan	Kadar Bantuan Keseluruhan daripada gaji bulanan anggapan
Bulan Pertama	80%	Tiada	80%
Bulan Kedua	50%	Tiada	50%
Bulan Ketiga	40%	10%	50%
Bulan Keempat sehingga Keenam	Tiada	30% setiap bulan	30% setiap bulan

- Bagi kategori pekerja yang tidak layak mendapat EMP kerana **tidak memenuhi kelayakan caruman SIP atau yang habis tempoh kontrak perkhidmatan sekurang-kurangnya 12 bulan dan pernah diperbaharui sekurang-kurangnya tiga kali**, kadar bantuan kewangan di bawah **SIP PRIHATIN** adalah seperti berikut:

BULAN	Faedah EMP daripada	Kadar Bantuan	Kadar Bantuan
	gaji bulanan anggaran	Kewangan SIP PRIHATIN - Tambahan	Keseluruhan daripada gaji bulanan anggaran
Bulan Pertama sehingga Ketiga	Tiada	30% setiap bulan	30% setiap bulan

- Contoh senario bantuan kewangan SIP PRIHATIN mengikut bulan berlakunya LOE adalah seperti berikut:

i. LOE berlaku pada bulan Julai 2020:

Kelayakan EMP	Jul-20	Aug-20	Sep-20	Okt-20	Nov-20	Dis-20	Jan-21	Feb-21	Mac-21
	EMP 1	EMP 2	EMP 3	EMP 4	EMP 5	EMP 6	EMP 7	EMP 8	EMP 9
0 bulan	Nil	Nil	Nil	Nil	Nil	Nil	30%*	30%*	30%*
3 bulan	80%	50%	40%	Nil	Nil	Nil	30%*	30%*	30%*
4 bulan	80%	50%	40%	40%	Nil	Nil	30%*	30%*	30%*
5 bulan	80%	50%	40%	40%	30%	Nil	30%*	30%*	30%*
6 bulan	80%	50%	40%	40%	30%	30%	30%*	30%*	30%*

ii. LOE berlaku pada bulan April 2021:

Kelayakan EMP	Apr-21	Mei-21	Jun-21	Jul-21	Aug-21	Sep-21	Okt-21	Nov-21	Dis-21
	EMP 1	EMP 2	EMP 3	EMP 4	EMP 5	EMP 6	EMP 7	EMP 8	EMP 9
0 bulan	30%*	30%*	30%*	Nil	Nil	Nil	Nil	Nil	Nil
3 bulan	80%	50%	40% 10%*	30%*	30%*	30%*	Nil	Nil	Nil
4 bulan	80%	50%	40% 10%*	40% 10%*	30%*	30%*	30%*	Nil	Nil
5 bulan	80%	50%	40% 10%*	40% 10%*	30% 20%*	30%*	30%*	30%*	Nil
6 bulan	80%	50%	40% 10%*	40% 10%*	30% 20%*	30% 20%*	30%*	30%*	30%*

iii. LOE berlaku pada bulan Disember 2021:

Kelayakan EMP	Dis-21	Jan-22	Feb-22	Mac-22	Apr-22	Mei-22	Jun-22	Jul-22	Aug-22
	EMP 1	EMP 2	EMP 3	EMP 4	EMP 5	EMP 6	EMP 7	EMP 8	EMP 9
0 bulan	30%*	30%*	30%*	Nil	Nil	Nil	Nil	Nil	Nil
3 bulan	80%	50%	40% + 10%*	30%*	30%*	30%*	Nil	Nil	Nil
4 bulan	80%	50%	40% + 10%*	40% + 10%*	30%*	30%*	30%*	Nil	Nil
5 bulan	80%	50%	40% + 10%*	40% + 10%*	30% + 20%*	30%*	30%*	30%*	Nil
6 bulan	80%	50%	40% + 10%*	40% + 10%*	30% + 20%*	30% + 20%*	30%*	30%*	30%*

5. **Siapakah yang TIDAK LAYAK mendapat bantuan kewangan di bawah SIP PRIHATIN?**

- Pekerja yang kehilangan pekerjaannya sebelum 1 Julai 2020 dan selepas 31 Disember 2021
- Pekerja yang telah kembali bekerja semasa menerima faedah EMP bagi tuntutan LOE yang dibuat sebelum 1 Januari 2021
- Pekerja yang menerima Elaun Pendapatan Berkurangan (EPB).
- Pekerja yang berhenti secara sukarela.
- Pekerja yang bersara wajib pada dan selepas berumur 60 tahun.
- Pekerja yang diberhentikan akibat salah laku
- Pekerja yang tidak berdaftar di bawah Akta Sistem Insurans Pekerjaan (Akta 800) sebelum kehilangan pekerjaannya berlaku.

6. **Bagaimana permohonan SIP PRIHATIN dibuat?**

- Permohonan pertama boleh dilakukan di **Portal Faedah SIP** menerusi pautan: <https://eis.perkeso.gov.my>
- Manakala bagi permohonan kedua hingga permohonan kesembilan (bagi mereka yang layak), pemohon hendaklah log masuk dengan menggunakan ID pendaftaran (diberi selepas permohonan pertama) secara bulanan melalui pautan yang sama di bawah tajuk 'Borang-Borang'. Sila pilih Borang EMP.

- Pekerja boleh membuat permohonan untuk setiap tuntutan EMP setelah menyertai Program Pencarian Pekerjaan Semula (REPP) dalam tempoh masa 30 hari dari tarikh kelulusan EMP sebelumnya.
- Sekiranya pekerja itu telah kembali bekerja dan melapor diri semasa menerima faedah EMP, pekerja tersebut hendaklah mengisi Borang EBSA untuk mendapat elaun bekerja semula awal.

7. Adakah pekerja layak membuat rayuan sekiranya permohonan SIP PRIHATIN ditolak oleh PERKESO?

- Pekerja boleh membuat rayuan terhadap penolakan tuntutan bantuan EMP/EBSA di bawah SIP PRIHATIN kepada PERKESO melalui **bit.ly/AduanSIP**. Pekerja tidak boleh membuat rayuan berkenaan tuntutan SIP PRIHATIN kepada Jemaah Rayuan Keselamatan Sosial (JRKS) kerana ini bukan faedah di bawah Akta 800.

8. Adakah pekerja layak menerima bantuan di bawah SIP PRIHATIN sekiranya telah kembali bekerja dan melapor diri dalam tempoh menerima faedah EMP?

- Pekerja yang telah kembali bekerja layak mendapat faedah Elaun Bekerja Semula Awal (EBSA) tetapi **tidak layak** menerima bantuan tambahan 30% bagi 3 bulan EMP terakhir SIP PRIHATIN.
- Pengiraan EBSA adalah **25% daripada baki EMP tetapi tidak termasuk bantuan tambahan 30% bagi 3 bulan EMP terakhir SIP PRIHATIN.**
- Pekerja yang telah **kembali bekerja semasa** dalam tempoh penerimaan bantuan kewangan SIP PRIHATIN hendaklah ditamatkan bantuan kewangan pada bulan berikutnya.

9. Adakah pekerja perlu melaporkan kepada PERKESO sekiranya mendapat tawaran pekerjaan/ kembali bekerja?

- Pekerja hendaklah melaporkan kepada PERKESO bahawa mereka telah kembali bekerja dan melapor diri kepada majikan baru dalam tempoh 2 hari dari tarikh melapor diri.
- PERKESO juga akan membuat rujuk silang di pangkalan data pendaftaran dan caruman (PORTAL ASSIST) PERKESO serta kelulusan program Penjana Kerjaya dari masa ke semasa bagi menyemak maklumat terkini pekerja

10. Apakah dokumen yang diperlukan bagi permohonan SIP PRIHATIN?

- Dokumen Utama (Permohonan pertama sahaja).
 - a) Salinan kad pengenalan
 - b) Salinan surat pemberhentian kerja (termasuk VSS, MSS atau seumpamanya)
 - c) Salinan penyata gaji (6 bulan kebelakang sebelum bulan kehilangan pekerjaan)
 - d) Salinan penyata gaji bulan kehilangan pekerjaan (jika ada).
 - e) Salinan Penyata Nombor Akaun Bank Pemohon
- Dokumen sokongan.
 - a) Salinan laporan polis (contoh gangguan seksual, ugutan dsb.
 - b) Salinan bukti arahan yang diberikan bagi kerja-kerja berbahaya bukan dalam skop kerja mengikut kontrak.
 - c) Lain-lain dokumen bukti berkaitan dengan kes.
- Bagi pekerja yang tidak mempunyai dokumen-dokumen seperti di dokumen utama bagi (b), (c), (d) dan (e) pekerja boleh membuat pengisytiharan diri (*self-declaration*) di Portal Faedah SIP semasa membuat permohonan.

11. Adakah pekerja yang sedang menerima faedah EMP (dalam tahun 2020) perlu mengemukakan permohonan yang baru?

- Pekerja tidak perlu mengemukakan permohonan baharu berkaitan kehilangan pekerjaan sebelum itu (tahun 2020) tetapi perlu mengemukakan borang EMP secara bulanan.

- Setiap permohonan tuntutan EMP kedua dan seterusnya pekerja hendaklah mengemukakan bukti carian pekerjaan dan memuat naik ke Portal Faedah SIP dokumen sokongan yang telah dipersetujui berkenaan Program Penempatan Pekerjaan Semula.

12. Bagaimanakah cara bayaran SIP PRIHATIN kepada pekerja?

- Pembayaran faedah akan dilakukan secara bulanan selepas tuntutan dibuat dan akan dikreditkan terus ke dalam akaun yang diberi oleh pemohon.

13. Bagaimanakah pengiraan SIP PRIHATIN sekiranya gaji bulanan tidak dibayar kepada pekerja sebelum bulan kehilangan pekerjaan?

- Sekiranya gaji bulanan tidak dibayar kepada pekerja atau gaji yang dibayar kurang daripada gaji minimum kebangsaan sebelum bulan LOE, maka 'Gaji' sebelum berlakunya Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 18 Mac 2020 atau suatu amaun yang sama dengan amaun gaji minimum bulanan mengikut Perintah Gaji Minimum yang dibuat di bawah Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 [Akta 732] akan digunakan bagi menentukan pengiraan SIP PRIHATIN.

14. Bagi pekerja yang tidak mencukupi syarat kelayakan caruman (CQC) minimum atau mereka yang habis tempoh kontrak (*expiry of the Contract Of Service*) di mana kontraknya tidak disambung, bolehkah mereka memohon mendapat bantuan kewangan SIP PRIHATIN?

- Ya, pekerja yang tidak memenuhi syarat kelayakan caruman (CQC) minimum 12 bulan atau yang habis tempoh kontrak perkhidmatan sekurang-kurangnya 12 bulan dan pernah diperbaharui sekurang-kurangnya tiga kali adalah layak memohon bantuan kewangan SIP PRIHATIN sebanyak 30% selama 3 bulan.

15. Bolehkah pekerja mendapat bantuan SIP PRIHATIN walaupun pernah membuat tuntutan SIP sebelum ini?

- Pekerja masih boleh mendapat bantuan SIP PRIHATIN walaupun pernah membuat tuntutan SIP sebelum ini tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan seperti di soalan 2 dan 14 di atas.

16. Adakah pekerja perlu menyertai Penempatan Pekerjaan Semula (REPP) bagi menerima bayaran EMP seterusnya?

- Pekerja hendaklah menyertai REPP bagi melayakkan mendapat bayaran EMP di bawah SIP PRIHATIN.

17. Apakah syarat kelayakan caruman (CQC) bagi melayakkan pekerja untuk mendapat Faedah SIP di bawah AKTA 800 dan bagaimana cara pengiraan faedah (EMP dan EBSA)?

- Syarat kelayakan caruman bagi melayakkan pekerja mendapat faedah SIP adalah sebagaimana ditetapkan di bawah Jadual Keempat AKTA SIP 2017 (AKTA 800).
- **Contoh 1: Bagi LOE pertama**
 - ▶ Bilangan caruman yang diperlukan untuk melayakkan 3 bulan faedah adalah 12 caruman dalam tempoh 24 bulan dari tarikh LOE berlaku (12/24);
 - ▶ Bilangan caruman yang diperlukan untuk melayakkan 4 bulan faedah adalah 16 caruman dalam tempoh 24 bulan dari tarikh LOE berlaku (16/24) dan seterusnya.
- **Contoh 2: Bagi LOE Kedua**
 - ▶ Bilangan caruman yang diperlukan untuk melayakkan 3 bulan faedah adalah 18 caruman dalam tempoh 36 bulan dari tarikh LOE kedua berlaku (18/36);
 - ▶ Bilangan caruman yang diperlukan untuk melayakkan 4 bulan faedah adalah 24 caruman dalam tempoh 36 bulan dari tarikh LOE kedua berlaku (24/36) dan seterusnya.
- **Contoh 3: Bagi LOE Ketiga**

- ▶ Bilangan caruman yang diperlukan untuk melayakkan 3 bulan faedah adalah 24 caruman dalam tempoh 48 bulan dari tarikh LOE ketiga berlaku (24/48);
- ▶ bilangan caruman yang diperlukan untuk melayakkan 4 bulan faedah adalah 32 caruman dalam tempoh 48 bulan dari tarikh LOE ketiga berlaku (32/48) dan seterusnya.
- Kaedah pengiraan CQC dan faedah bagi ini boleh dirujuk melalui pautan berikut: www.myfuturejobs.gov.my/benefits-calculator/

18. Bagaimanakah semakan status permohonan boleh dibuat?

- Semakan boleh dibuat melalui pautan <https://eis.perkeso.gov.my>

19. Apakah tafsiran gaji atau pendapatan RM4,000 ke bawah yang dimaksudkan bagi permohonan SIP PRIHATIN?

- Tafsiran gaji atau pendapatan adalah mengikut tafsiran gaji di bawah Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 [Akta 800]. Semua pembayaran berbentuk wang kepada pekerja dianggap sebagai gaji seperti gaji pokok termasuk bayaran berkenaan cuti, kelepasan, lebih masa dan kerja tambahan pada hari pelepasan.

Sebarang pertanyaan lanjut boleh menghubungi Pegawai Perkhidmatan Pelanggan PERKESO di talian 1-300-22-8000 atau di pautan bit.ly/AduanSIP.

PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL (PERKESO)

27 Disember 2020